

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO'TAKIYUDDIN BIN
HASSAN
(KOTA BHARU)**

**TARIKH : 19.10.2015
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membina sebuah Pangkalan TLDM di Kawasan Eastern Sabah *Security Command (ESSOM)* untuk tujuan keselamatan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan telah membangunkan dua buah pangkalan hadapan TLDM di Persisiran Sabah Timur iaitu KD SRI SANDAKAN di Sandakan dan KD SRI SEMPORNA di Semporna. KD SRI SANDAKAN merupakan pangkalan yang menyokong keperluan operasi dan logistik bagi aset permukaan TLDM. Manakala KD SRI SEMPORNA merupakan pangkalan bagi unit kedua Pasukan Khas Laut.

Kementerian Pertahanan juga telah menempatkan KAPAL AUKSILIARI (KA) TUN AZIZAN di perairan Pulau Berhala, Sandakan yang telah beroperasi sepenuhnya pada Mei 2015. Selain itu, PANGKALAN LAUT (PL) TUN SHARIFAH RODZIAH telah ditempatkan di Teluk Lahad Datu, Lahad Datu dan telah beroperasi sepenuhnya pada Julai 2015. Kedua-dua pangkalan laut hadapan ini adalah bertujuan untuk menyokong pengoperasian bot-bot

pemintas dan juga kapal-kapal TLDM di kawasan Pantai Timur Sabah.

Memandangkan pangkalan hadapan dan pangkalan laut ini telah dibangunkan dan beroperasi sepenuhnya di kawasan ESSCOM, kerajaan tidak bercadang untuk membina Pangkalan Tentera Laut yang baru di kawasan tersebut dalam tempoh terdekat.